

# JIHAD MENURUT AL-QURAN

PENGERTIAN perjuangan dalam Islam ialah menyeru dan mengusahakan kedamaian dan memberi jaminan keselamatan. Kecuali At-Taubah semua surah bermula dengan *Basmallah* yang menjulang dua asma (nama atau sifat) Allah iaitu *Ar-Rahman* dan *Ar-Rahim* (bermakna Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani).

Al-Quran menampung mesej betapa Allah swt amat mengasihani seluruh makhluknya. Tetapi Manusia adalah ciptaan khas Allah swt kerana ia saja yang sanggup menerima wahyu-Nya (kitab sucinya) dan menjadi khalifah (pentadbir dan pengamanah di muka bumi).

Antara maksud Islam ialah penyerahan dengan seluruh jiwa raga kepada Allah swt. Salah satu sifat Allah swt ialah As-Salam yang bermakna damai dan selamat. Jadi sebagai hamba Allah, orang Islam menampilkan suasana damai dan selamat untuk seluruh kemanusiaan.

Allah memerintah Muslim mengerjakan *amar maaruf nahi munkar* (mengamalkan serta menyuruh kepada kebaikan dan menjauhi serta mencegah kekejian). Untuk melaksanakan tugas ini dengan bersungguh-sungguh, maka Islam menampilkan konsep '*jihad*'.

*Jihad* berasal dari kata kerja '*jahada*' yang bererti gigih berusaha dengan sepenuh jiwa raga sehingga mencapai matlamat jaya di jalan Allah (*fi sabilillah*).

Dalam Al-Quran, pengertian *jihad* amat luas; dari usaha luaran sehingga batin, dari usaha untuk keluarga, masyarakat dan negara serta antarabangsa yang mengarah kepada damai dan selamat.

Jadi, bagaimanakah *jihad* boleh dimaksudkan dengan penganasan? Di dalam al-Quran tidak pernah disebut mengenai agresi atau pencerobohan atau penganasan sebagai strategi umat Islam.

<i>Istilah</i>	<i>Jumlah kata</i>	<i>Maksud</i>
<i>Jihad</i>	30	Usaha gigih yang meluas
<i>Jihad</i> + qital fi sabilillah	50	Perang bela diri demi Allah
Harb	4	Perang kaum demi imej peribadi dan maruah kaum

[Kekata *jihad* diulang 30 kali dalam Al-Quran. Ia berasal dari kata dasar *juhd* atau *jahd*. *Juhd* bererti mengeluarkan tenaga, usaha atau kekuatan dan *jahd* (*jahada*) bermakna kesungguhan dalam bekerja. Tetapi, kata *al-jihad* (*jihad*) dari Al-Quran itu berkembang sesuai dengan tahap perkembangan masyarakat Islam menurut masa dan ruang.

Menurut Imam Ragib Al-Isfahani, (ahli bahasa Al-Quran) kata *jihad* dalam Al-Quran mempunyai 3 erti iaitu, (1) berjuang melawan musuh nyata, (2) berjuang melawan setan dan (3) berjuang melawan nafsu. Pengertian *jihad* yang dikemukakan Imam Ragib Al-Isfahani itu dapat dikatakan sama dengan yang dikemukakan oleh Ibnu Qayyim al-Jauziah (ulama besar Hambali).

Dalam bukunya, *Zad al-Ma'ad*, Ibnu Qayim al-Jauziah menyebutkan, bahawa *jihad* terdiri dari empat martabat, iaitu (1) *jihad* terhadap nafsu; (2) *jihad* terhadap syaitan; (3) *jihad* terhadap orang kafir; dan (4) *jihad* terhadap orang munafik.

Berdasarkan pendapat Imam Ragib al-Isfahani dan Ibnu Qayyim al-Jauziah ini sesuai dengan pengertian bahasa sendiri, *jihad* diertikan sebagai ***“menggunakan atau mengeluarkan tenaga, daya usaha atau kekuatan untuk melawan suatu objek yang tercela yang boleh mengancam ketenteraman hidup damai kaum Muslimin dalam rangka menegakkan agama Allah SWT.”***

“Perang” hanyalah salah satu dari beberapa pengertian *jihad*. Kekata yang ada kaitan dengannya ialah *qital* yang disambungkan dengan frasa atau kalimat *fi sabilillah* iaitu di jalan Allah. Hal ini menunjukkan bahawa tujuan perang di dalam Islam semata-mata untuk meninggikan kalimat Allah SWT, tidak boleh untuk tujuan lainnya. Kedua-dua kata di atas (*al-jihad* dan *al-qital*) yang diiringi oleh anak kalimat *fi sabilillah* tercantum dalam Al-Quran sebanyak 50 kali.

Adapun kata *al-harb* (perang) disebut 4 kali dalam Al-Quran. Ia merujuk perang atas latar belakang peribadi atau kaum dengan bertujuan mencari keuntungan, bukan atas dasar meninggikan agama Allah SWT.]<sup>1</sup>

Telah tercatat di dalam Al-Quran:

*“Berjihad di (jalan) Allah dengan jihad sebenar-benarnya....”* <sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Petikan dari ‘Ensiklopedia Hukum Islam – Perang’ ms 1395 oleh Dahlan, Abdul Azis.

<sup>2</sup> Surah Al-Hajj:78

## JENIS JIHAD

[*Jihad* itu terbahagi kepada dua:

- Asghar (kecil), dan
- Akbar

*Jihad* di medan perang (*al-qital*) sebenarnya merupakan perjuangan kecil (Asghar). Al-Quran menetapkan bahawa perang bela diri hanya boleh diisytiharkan oleh pemerintah dan bukan perseorangan. Inilah yang berlaku ketika Nabi sudah berada di Madinah dan menubuhkan sebuah pemerintahan di sana. Dalam zaman Nabi saw, perang bela diri tadi telah dilakukan ke atas golongan kafir dan munafik yang dengan nyata memusuhi umat Islam.

Tetapi *jihad* lebih besar bukanlah perang. Hal ini bersesuaian dengan maksud sabda Rasulullah saw ketika Baginda baru saja kembali dari Perang Badr dan diriwayatkan oleh banyak kitab hadis:

*"Kita kembali dari jihad yang terkecil menuju jihad yang besar, iaitu jihad melawan hawa nafsu."*

*Jihad* melawan hawa nafsu (*jihad-un-nafs*) merupakan perjuangan besar setiap Muslim. Nabi Muhammad diutuskan Allah ke bumi sebagai '*rahmat seluruh alam*' dan tujuan Baginda tidak lain ialah menyempurnakan akhlak manusia. Oleh itu, *jihad* besar ialah membetulkan diri sendiri dengan akhlak terpuji dan menjauhi perbuatan cela.<sup>3</sup>

- ***Jihad Nafsu***

*Jihad* nafsu ini amat luas sekali -- merangkumi pelbagai aspek hidup harian. Apakah itu nafsu?

[Nafsu terbahagi tiga iaitu sifat syahwat, marah dan khayalan. Ber*jihad* terhadap nafsu bermakna menggunakan kuasa '*akal*' untuk mengawal syahwat (bermaksud 'kecenderungan' yang lazimnya dikaitkan dengan minat sehinggalah seks), marah dan khayalan (imajinasi atau cita-cita). Untuk membolehkan akal dapat mengawal ketiga-tiganya, maka seorang Muslim perlu gigih berjuang dalam medan ilmu -- menimba ilmu agama dan

---

<sup>3</sup> Petikan dari 'Ensiklopedia Islam – Jihad' ms. 219 oleh Dahlan, Abdul Azis.

kehidupan. Itulah sebabnya, wahyu pertama berbunyi 'Iqra' (Al-Alaq: 1) yang bermaksud 'bacalah'.

Tekad mencari ilmu merupakan alah sifat unggul untuk mencapai kejayaan dalam peperangan *jihad* nafsu. *Jihad* mengawal nafsu menuntut kesabaran kerana setiap orang akan berhadapan dengan pelbagai kesulitan.<sup>4</sup> Tetapi di sebalik kesulitan akan datang kesenangan sebagaimana tercatat dalam surah Al-Insyirah iaitu :

•

*Maka sesungguhnya setelah kesulitan itu ada kemudahan.  
Sesungguhnya setelah kesulitan itu ada kemudahan<sup>5</sup>.*

- ***Jihad* Menentang Godaan Syaitan**

Syaitan (Thagut) disebut dalam Al-Quran sebagai lambang punca kejahatan yang ditimpakan atau diduga ke atas kemanusiaan. Musuh utama dan nyata kepada manusia ialah Iblis (Syaitan). Al-Quran menyatakan bahawa Allah SWT memerintah para malaikat dan Iblis menyembah Adam as sebagai tanda hormat. Namun, Iblis ingkar oleh rasa takbur yang ia lebih mulia kerana dicipta daripada api sedangkan Adam as daripada tanah.

Menurut Ibnu Katsir, asalnya Iblis dikenali sebagai Azazil, pemimpin jin yang telah lama beribadah sehingga darjatnya dinaikkan setaraf dengan para malaikat. Keingkarannya Iblis itu telah menimbulkan kemurkaan Allah SWT dan ia dihalau dari syurga dan dilaknat sehingga Akhirat. Iblis sempat membuat permintaan terakhir dan diizinkan Allah SWT iaitu menggoda dan merosakkan Adam as dan zuriatnya (kemanusiaan) sebagaimana terpapar dalam surah **Al-A'raf, ayat 16 hingga 17**.

Al-Quran menegaskan bahawa permusuhan Iblis dengan manusia bermula ketika Adam dan Hawa digoda untuk memakan buah yang dilarang Allah swt dan akibatnya mereka disingkirkan ke bumi. Kemudian, anak Nabi Adam, Qabil membunuh saudaranya Habil kerana cemburu. Semuanya dibayangkan oleh Allah swt dalam Al-Quran sebagai bencana daripada tipu muslihat Iblis yang menyelewengkan nafsu mereka.

---

<sup>4</sup> Petikan dari 'Ghazali on the Jihad Al-Nafs – Fighting the Ego'.  
<http://www.sunnah.org/tasawwuf/jihad002.html>

<sup>5</sup> Surah As-Syahr:5-6

[Malah peperangan di dunia juga angkara Iblis, tetapi manusia sering lupa akan hal ini. Perang merebut kuasa, tanah dan perempuan merupakan antara muslihat Iblis yang memesongkan nafsu manusia. Untuk menguatkan jiwa daripada nafsu terpesong dan bujukan Iblis, Muslim hendaklah banyak beribadah dalam erti kata luas -- menunaikan kewajipan fardu, berusaha (*berjihad*) dengan cemerlang dan menaburkan amalan baik sesama manusia.]<sup>6</sup>

Seperti mana yang telah dijelaskan oleh Islam Online Fatwa Committee apabila ditanya jika jihad itu boleh diertikan sebagai peperangan ilmu dan untuk mengubah pendapat penentang melalui pendidikan dan kefahaman, mereka menjawab melalui fatwa yang bertajuk Jihad Nafsu dan Dakwah.

*“Jihad mempunyai banyak makna. Satu daripadanya memanglah melawan dengan cara fizik di medan peperangan dengan musuh, namun maknanya lebih luas daripada itu. Jihad juga bermakna perjuangan rohani yang juga dikenali sebagai “Jihad An-Nafs”. Ada beberapa orang yang menafikan jihad semacam ini kerana beberapa alasan tertentu, tetapi ianya wujud dan kenyataan ini disebutkan dalam beberapa hadith sahih. Jenis-jenis Jihad yang lainnya ada tercatat di dalam Al-Quran:*

*“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami ..”<sup>7</sup>*

*Ayat ini telah diturunkan ketika Nabi Muhammad saw masih berada di Makkah. Pada waktu itu, tiada jihad-peperangan. Jadi, apakah maksud ayat ini? Sudah nyata bahawa ayat in tidak bermakna “perang suci” ataupun “holy war” sebagaimana yang diakui oleh beberapa orang.*

*Ada juga ayat yang menerangkan:*

---

<sup>6</sup> Petikan dari ‘Wawasan Al-Quran – Berjihad Menghadapi Setan & Nafsu’. ms 508-514 oleh Prof Quraish Shihab.

<sup>7</sup> Surah Al-Ankabut: 69

*“Oleh itu, janganlah engkau (Wahai Muhammad) menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah dengan hujjah-hujjah Al-Quran menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh.”<sup>8</sup>*

*Sekali lagi, ayat ini merujuk kepada Jihad yang berlainan jenis iaitu Jihad Da'wah dan menyebarkan ilmu agama. Berjihad dengan Al-Quran bermakna menyebarkan pesanan dan hidup menerusi kebenarannya.*

*Jadi, makna jihad tidak tertakluk kepada satu makna sahaja. Malah makna jihad yang berlainan inilah yang kita hadapi setiap hari. Apakah faedah jihad peperangan jika ia dilakukan bukan kerana Allah swt dan untuk mempertahankan agamaNya? Walaupun dalam jihad peperangan, seseorang itu harus mempunyai Jihad dalaman. Mungkinkah kita dapat menjadi seorang yang efektif jika kita tidak dapat mengawal nafsu sendiri? Kita harus menolong diri kita sendiri sebelum kita menolong orang lain.*

*Semoga Allah swt memimbing kita ke jalan yang benar serta mengampuni segala kelakuan salah kita. Wallahu a'lam<sup>9</sup>”*

## **JIHAD DENGAN HARTA**

Jihad dengan harta bermaksud bahawa manusia hendaklah menjadikan harta itu sebagai alat utama untuk melakukan jihad Fi Sabillillah dan jangan sekali mereka menjadikan diri mereka sebagai hamba harta dengan sifat bakhil dan tamak kepada harta sehingga tidak mahu membelanjakan hartanya untuk berjihad Fi Sabillillah. Al-Quran menyebut berulang kali jihad harta (Al Amwal) yang menyatakan perintah Allah Taala kepada orang yang beriman supaya membelanjakan hartanya untuk berjihad Fi Sabillillah. Antaranya firman Allah swt :

---

<sup>8</sup> Surah Al-Furqan : 52

<sup>9</sup> Fatwa diambil daripada– Fatwa Bank, <http://www.islam-online.net/fatwa/english/searchFatwa.asp>. (*About Islam Online: Aims to provide all information needed about Islam and its civilizations, the universe and its changes, current affairs and their analyses, and general information and services that one cannot do without in the 21<sup>st</sup> century. The site aims to present a unified and lively Islam that keeps up with modern times in all areas. Our goal is for this site be worthy of your trust. To reach our goal, a committee of the major scholars throughout the Islamic world, headed by Dr.Yusuf Qardawi, was formed. Its role is to ensure that nothing on this site violates the fixed principles of Islamic law (Shari'a). The committee includes experts in politics, economics, the media, sociology, technology, the arts, and other fields, all of whom are committed to participate in the Islamic Renaissance in all fields and at all levels. The Internet has opened in the Opportunities for communication and we pledge to use them to achieve the highest levels of integrity and precision in the content and in creative professionalism in design. We will work for the credibility of the site's contents, information, and ideas and gain the distinction that will make it attractive and acceptable.*)

•

*Berangkatlah kamu baik dalam keadaan ringan ataupun berat, dan berjihadlah dengan harta dan dirimu di jalan Allah<sup>10</sup>.*

•

*Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.<sup>11</sup>*

•

*Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk satu darjat.<sup>12</sup>*

•

*Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahuinya.<sup>13</sup>*

---

<sup>10</sup> Surah At Taubah:41

<sup>11</sup> Surah Al-Hujuraat: 15

<sup>12</sup> Surah An-Nisaa: 95

<sup>13</sup> Surah As-Saaf: 11

Pengorbanan dalam bentuk harta ini ternyata amat bermakna dalam perjuangan menegakkan Islam sejak zaman Rasullallah s.a.w. Tanpa harta, medan jihad akan menjadi lapang dan orang yang telah menawarkan diri untuk menguasai kekayaan dunia terus menguasai seluruh kehidupan umat manusia seperti yang terjadi pada masa sekarang; umat manusia dibelenggu kemiskinan, mundur dan menderita. Jihad dengan harta akan dapat:

1. *Membangun diri manusia menjadi maju.*
2. *Membangun keluarga dan menghapuskan kemiskinan.*
3. *Membangun masyarakat dalam semua bidang.*
4. *Menjadikan umat Islam merdeka dan tidak bergantung kepada orang lain.*
5. *Menjadikan umat Islam disegani dan di hormati.*
6. *Membolehkan segala usaha dan jihad dalam semua lapangan kehidupan dilakukan dengan jayanya.*
7. *Membolehkan umat Islam menyahut apa jua cabaran masa kini dan masa akan datang.*

## **PERANAN MUJAHID**

Dari istilah '*jihad*', terbit istilah mujahid iaitu orang yang melaksanakan *jihad* yang bermakna:

- Orang yang berjuang dengan dirinya (melawan nafsunya) demi Allah swt
- Orang yang berusaha dengan dirinya demi melaksanakan suruhan dan menjauhi larangan Allah swt.
- Orang yang berjuang dengan gigih dan pasrah kepada ketentuan (takdir) Allah swt.

Sheikh Yusuf Al-Qaradawi<sup>14</sup> juga ada menerangkan di dalam sebuah fatwanya apabila ditanyakan jika disiplin kerohanian itu adalah sesuatu yang diperlukan dalam berjihad. Beliau menjawab:

*"Bismillahirrahmanirrahim*

*Alhamdullillah hi wassalatu wassalam ala sayidina Muhammad*

---

<sup>14</sup> *Dr. Yusuf al Qaradawi, born in Egypt in year 1926 and completed the memorization of the Qur'an before his tenth birthday. Studied at the Al Azha from elementary to the university level, and obtained his Ph.D. there in 1973. Worked as Khatib, teacher and writer in both Department of Awqaf and Al Azhar. Presently serves as the dean of the College Shariah and Islamic Studies and as the director of the Center of Sunnah and Sirah Studies at the University of Qatar. He is also a member of many Islamic academic societies and associations. He was named chairman of the Academic Council of the University of Al Amir 'Abd al Qadir for Islamic Sciences in Constantine, Algeria and is an advisor on Islamic affairs to the Ministry of Islamic Affairs in Algeria. Published over 42 books dealing with various aspects of Islamic life, literature and poetry. His articles and research papers have appeared in many Arabic and Islamic journals and magazines.*



Rasullullah saw.

*“Marilah kita sama-sama menganalisisakan nota-nota ini:*

*Pertama sekali Jihad Fi sabillillah bukanlah peperangan yang biasa, tetapi sesuatu yang dilakukan dengan niat yang khas dan untuk suatu sebab yang tertentu. Jihad bermakna berjuang pada jalan Allah, mempertahankan agama-Nya dan menghadapi musuh-musuhNya, bukan hamba-Nya.*

*Apabila Rasululllah saw ditanya oleh seorang lelaki yang bertempur dengan matlamat membalas dendam saudaranya, serta seorang lagi lelaki yang bertempur hanya untuk disanjung ramai (dianggap berani). Pemuda yang ketiga bertempur hanya untuk mengumpulkan kekayaan; yang mana satukah di antara mereka akan menerima ganjaran Allah swt? Maka Rasululllah saw menjawab, “Yang bertempur untuk “meninggikan” kalimat Allah (mentauhidkan Allah), dianggap sebagai seorang yang berjuang pada jalan Allah.”*

*Berdasarkan apa yang telah disebut, kita sebagai orang Islam tidak harus terlalu mementingkan hal duniawi; perbuatan yang kita lakukan haruslah semata-mata kerana Allah swt. Kita harus melalui beberapa peningkatan disiplin kerohanian melalui pendidikan Islam dapat membersihkan agama Allah swt dan sebagai ganjaran, Allah swt akan membersihkan kita untuk agama-Nya.*

*Kedua, adalah ganjaran duniawi atau pun keuntungan, di mana seorang Mujahid memperolehi kemenangan dan kebolehan untuk berjaya dalam kehidupan. Penganut-penganut yang alim akan mendapat manfaat daripada ganjaran duniawi ini; mereka berhak mendapatkannya dalam perjuangan mereka di jalan Allah swt, tanpa menghiraukan segala kehilangan yang mungkin dihadapi. Ganjaran yang diterima mereka amat lumayan sekali. Golongan yang sebegini telah disebutkan Allah di dalam Al-Qur’an:*

•

*“Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani) dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa; iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”<sup>15</sup>*

Dalam ayat yang telah disebutkan di atas, dapat difahami bahawa Allah swt mendorong kita untuk menentang pencerobohan dan mempertahankan peraturan yang telah diatur oleh para nabi yang diutuskan sebelum Nabi Muhammad saw.

Dalam ayat yang lain, Allah swt melarang kebinasaan sepertimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 196 yang berbunyi :

•

*Dan janganlah kamu jatuhkan dirimu ke dalam kebinasaan, dan berbuat dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai mereka yang berbuat baik.*

---

<sup>15</sup> Surah Al-Hajj:40-41

*"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhai-Nya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka."<sup>16</sup>*

*Ketiga, Allah swt tidak akan memberi kekuasaan kepada seseorang itu kecuali dia telah mengalami pelbagai kesengsaraan, rintangan dan kesusahan. Allah swt berbuat demikian untuk menguji keikhlasan mereka dan untuk membezakan antara yang baik dan yang jahat.*

*Ini merupakan ujian yang dilalui oleh seseorang; dan dengan menjalani ujian ini, ia dapat mengeratkan lagi perhubungan itu dengan Allah swt. Ini merupakan suatu pelajaran di mana setiap rasul harus pelajari dan ia juga adalah suatu pelajaran bagi mereka yang berjuang setiap zaman.*

*Imam As-Syafie pernah ditanya tentang manakah yang lebih baik antara kesengsaraan dan kejayaan; Dia menjawab: Bolehkah*

---

<sup>16</sup> Surah An-Nur:55

kejayaan itu dikecapi tanpa kesengsaraan? Allah swt telah menguji Nabi Yusuf a.s. kemudian menyelamatkannya daripada kesengsaraannya; Allah swt juga telah mengangkat kedudukannya dan menepati janjinya. Sebagaimana yang diterangkan:-

•

*"Dan demikianlah caranya, Kami tetapkan kedudukan Yusuf memegang kuasa di bumi Mesir; ia bebas tinggal di negeri itu di mana sahaja yang disukainya. Kami limpahkan rahmat Kami kepada sesiapa sahaja yang Kami kehendaki, dan Kami tidak menghilangkan balasan baik orang-orang yang berbuat kebaikan."*<sup>17</sup>

Kejayaan serta ganjaran dunia yang dicapai tanpa keringat tidak akan berkekalan. Tetapi, perjuangan yang ditempuhi dengan penuh keteguhan oleh hamba-hamba Allah swt dengan penderitaan, kesedihan dan kesabaran yang mereka lalui akan menyelamatkan mereka daripada kebimbangan mereka dan diakhiri dengan kemenangan. Wallahu a'lam"<sup>18</sup>

- **Menyebarkan Salam (Damai )**

Perjuangan seorang mujahid ialah menampilkan rasa damai dan sentosa (sakinah) dan muhibah yang merupakan matlamat al-Quran. Ini dilakukan secara berdakwah iaitu mengajak orang kepada Islam dengan cara bijaksana dan dialog terbuka.

•

*"Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan."*

---

<sup>17</sup> Surah Yusuf:56

<sup>18</sup> Terjemahan petikan Fatwa – ‘Disiplin Kerohanian: Prasyarat untuk Jihad’ dari Fatwa Bank.  
<http://www.islam-online.net/fatwa>

*Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.”<sup>19</sup>*

*“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya, Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”<sup>20</sup>*

Ini bermakna bahawa kehadiran umat Islam bukan untuk mengacau atau membawa angkara (fasad) tetapi memastikan keselamatan dan kebajikan terjamin. Orang Islam adalah aset kepada perpaduan masyarakat. Seorang Muslim juga menyedari bahawa Allah memang menjadikan manusia berbangsa-bangsa dari lelaki dan perempuan untuk saling kenal-mengenal (maksud surah al-Hujurat: 13).

Seluruh kemanusiaan berasal dari Adam as. Allah telah mengangkat darjah keturunan Adam sebagai khalifah (pentadbir dan pengamanah) di bumi. Seandainya Allah menginginkan, maka seluruh kemanusiaan ini boleh menganut satu agama saja. (Quran Surah 10: Ayat 99). Oleh itu, Islam mengiktiraf bahawa manusia berhak memilih jalannya iaitu fahaman atau kepercayaan.

- **Memelihara keselamatan**

Al-Quran menegaskan bahawa Islam adalah agama terakhir dan dianugerahkan kepada umat Nabi Muhammad saw. Oleh itu, umat Islam hendaklah bersikap sederhana (*ummattan wasattan*) dan menjadi

---

<sup>19</sup> Surah Al-An'am:108

<sup>20</sup> Surah An-Nahl:125

contoh (khayr ummah) kepada seluruh kemanusiaan. Jadi, Muslim hendaklah senantiasa melaksanakan kebaikan dari perkara sekecil-kecilnya seperti mengetepikan batu tajam di jalanan sehingga kepada tugas jagat seperti menghentikan permusuhan antara negara.

Seorang Muslim juga diperintahkan menjauhi larangan Allah yang dinyatakan begitu jelas dalam Al-Quran yaitu menghenti atau menghindarkan hal-hal seperti berikut:

1. berbunuhan dan membunuh diri;
2. amalan seks terpesong (seperti umat Nabi Lut);
3. kezaliman (seperti umat Firaun);
4. penipuan (menipu timbangan atau ukuran seperti kaum Thamud);
5. menindas wanita, anak yatim dan mensia-siakan orang tua;
6. merosakkan alam;
7. menindas hak untuk mendapatkan keadilan, dan
8. merampas hak milik.

*“Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan sesuatu (alasan) yang benar. Dan barangsiapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam membunuh. Sesungguhnya ia adalah orang yang mendapat pertolongan.”<sup>21</sup>*

Islam lebih daripada sekadar agama, tetapi suatu cara hidup menyeluruh lagi sempurna (Ad-Din) yang sentiasa menyeru kepada belas kasihan, dan cenderung ke arah membangunkan masyarakat adil dan maju.

Perjuangan yang bersifat pencerobohan, pembunuhan dan keganasan oleh sebahagian pihak tidak dapat menyampaikan kepada maksud dan tujuan. Dalam erti kata yang lain, Jihad mestilah ditumpukan kepada sesuatu yang boleh kita capai. Pengertian ini luas

---

<sup>21</sup> Surah Al-Israa':33

termasuk Jihad dari segi pemikiran, ilmu pengetahuan, kebudayaan dan ekonomi.

Sebagaimana yang dijelaskan di dalam sebuah fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh Muhammad Al-Hanuti, Anggota Majelis Fiqh Amerika Utara apabila ditanya sama-ada salah untuk berpendapat bahawa Umat Islam harus berfungsi sebagai penguasa keamanan. Jawapannya adalah seperti berikut:

*“Kita harus prihatin apabila merujuk kepada bahasa, tanggapan, perbendaharaan kata dan ideologi Islam. Terdapat banyak istilah-istilah yang bukan dari unsur Islam yang dicampurkan bersama dengan yang bukan Islam.*

*Apabila berbicara tentang Islam, pembahasan kita haruslah berlandaskan Qur’an dan Sunnah. Kita harus menghapuskan istilah-istilah seperti keganasan, fundamentalis yang disalahgunakan oleh musuh-musuh Islam seperti keganasan, fundamentalisme, dan sebagainya.*

*Islam tidak pernah percaya kepada pemaksaan atau memaksa sesiapa sahaja untuk menjadi seorang Islam. Allah telah berfirman:*

•

*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan dia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”<sup>22</sup>*

*Tercatat juga di dalam Al-Qur’an:*

---

<sup>22</sup> Surah Al-Baqarah:256

*“Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?”<sup>23</sup>*

*Kita tidak dapati sebarang bukti bahawa Nabi Muhammad SAW serta sahabat-sahabatnya memaksa seseorang untuk menerima Islam. Ini adalah suatu perkara yang benar. Kerana jikalau mereka memasuki Islam kerana paksaan, mereka tentu akan kembali kepada agama asal mereka setelah jatuhnya tamadun Islam.*

*Kita melihat bahawa setiap ideologi dapat sampai ke puncaknya sewaktu zaman pengasas dan ahli fikir. Sebagai contoh, Fascisme, Nazisme dan ‘Existentialism’ (Gerakan Falsafah) telah menjadi sejarah artifak yang sekarang bermastautin di muzium. Apabila Nabi Muhammad saw wafat, Islam telah dianuti oleh berpuluh-puluh ribu manusia. Semenjak itu, ia kian berkembang luas ke seluruh pelusuk bumi dan penganutnya telah mencapai jumlah sehingga 1 bilion orang. Islam telah berkembang ke negeri Cina dan Indonesia tanpa sebarang peperangan atau menggunakan senjata; ini hanyalah kerana mankifestask Islam yang baik oleh Muslim yang cemerlang.*

*Saya ingin menanyakan satu soalan yang mungkin kita tidak terfikir;; mengapakah umat Islam perlu bertempur? Bagaimanakah harus kita membanteras pengedar-pengedar dadah dan kejahatan jikalau khutbah kamu tidak berjalan dengan baik? Bagaimanakah kamu akan berurusan dengan para penjenayah yang hanya ingin membuat kekacauan? Islam percaya dengan menghentikan ketidakadilan, tindasan dan sebarang ugutan terhadap kebebasan ataupun keamanan. Terdapat pelbagai contoh yang menunjukkan bahawa tidak ada cara lain untuk menjamin matlamat ini tanpa pertempuran. Seperti firman Allah swt:*

---

<sup>23</sup> Surah Yunus:99



*“...maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu, kerana sesungguhnya mereka tidak menghormati sumpah janjinya supaya mereka berhenti dari kekufuran dan bertaubat.”<sup>24</sup>*

*Wallah hu wa'lam*<sup>25</sup>

## **ADIL TERHADAP MUSUH**

Islam menegaskan kepada umatnya agar 'berlaku adil terhadap orang yang kamu benci' dengan menampilkan adab mulia, bantuan dan usaha untuk berdialog. Inilah teras dakwah Islam. Tujuannya tidak lain ialah untuk membina rasa saling hormat-menghormati dan persahabatan. Sama ada seseorang itu menganut Islam atau tidak, ia merupakan urusan Allah SWT sebagaimana maksud firmanNya dalam dua surah yang berasingan:

*“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”<sup>26</sup>*

---

<sup>24</sup> Surah At-Taubah: 12

<sup>25</sup> Terjemahan petikan Fatwa – ‘Jihad & Keamanan dalam Islam’ dari Fatwa Bank.  
<http://www.islam-online.net/fatwa>.

<sup>26</sup> Surah Al-Ma'idah: 8

*“Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dan antara dia ada pemusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia.”<sup>27</sup>*

Meskipun Islam adalah agama damai, namun ia perlu dipelihara dan dibela dengan sungguh-sungguh oleh penganutnya. Pembelaan ini berlaku dengan secara bijaksana dan tegas, bukan secara luapan emosi atau kemarahan yang tiada terbatas. Oleh itu, apabila umat Islam terkepung dan terancam keselamatannya, maka perang diizinkan Allah swt demi menegakkan syiar-Nya. Namun Allah memberi amaran bahawa perang di jalan Allah (*qital fi sabilillah*) mestilah ada batasnya:

*“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.”<sup>28</sup>*

[*Jihad* atau peperangan yang diizin Al-Quran hanya untuk menghindari terjadinya penganiayaan. “Melampaui batas” sebagaimana yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad saw ialah dengan membunuh anak-anak kecil, wanita dan orang tua, membawa kemusnahan ke atas harta benda atau tumbuh-tumbuhan. *Jihad* dalam bentuk perang yang dilaksanakan oleh Rasulullah saw ialah setelah Baginda melalui proses penghindaran yang begitu lama, berhijrah dan mengajak berunding demi mencari jalan damai. Hanya apabila ancaman perang berlaku secara nyata, maka Baginda telah membina kubu umat Islam, tetapi bukan melancarkan perang terlebih dulu.]<sup>29</sup>

Kesimpulannya ialah Al-Quran telah menurunkan prinsip-prinsip *jihad* yang mengarah kepada mencari kedamaian dan keselamatan. Malangnya, ada beberapa pihak, termasuk beberapa gerakan pembangkit Islam yang telah memberikan tafsiran keliru terhadap erti *jihad* sehingga membolehkan penganasan dan membunuh diri untuk membunuh mereka yang tidak berdosa.

---

<sup>27</sup> Surah Fushshilat:34

<sup>28</sup> Surah Al-Baqarah:190

<sup>29</sup> Terjemahan dari tulisan Mahfuh Halimi ‘JI’s Jihad Ideology, Bai’ah & Ummah’

Menurut Dr Muzammil Siddiqi, Mantan Presiden Masyarakat Islam Amerika Utara, di dalam sebuah fatwa mengenai makna sebenar Jihad:-

*“Sebenarnya, Jihad telah diterangkan berulang kali, iaitu, Jihad adalah untuk mempertahankan Umat Islam daripada kekejaman dan menjadi sebagai satu faktor penghalang anti-Islam daripada musuh, ia tidak harus dipersamakan dengan sebarang kekerasan .*

*Jihad bukanlah senjata untuk mengisytiharkan peperangan terhadap mereka yang tidak bersalah; ia juga bukan bertujuan untuk menunjukkan kegagahan serta mengherdik dan menindas mereka yang lemah. Jihad di dalam Islam adalah unik dan diasaskan untuk mempertahankan khabar yang suci iaitu ajaran Islam daripada disingkir atau dihalang oleh musuh-musuhnya.*

*Allah telah berfirman:*

*“Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya) dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Dia menamakan kamu: Orang-orang Islam semenjak dahulu dan di dalam (Al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah sembahyang dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifatNya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi*

*pertolongan.*"<sup>30</sup>

*Jihad merupakan salah satu istilah yang telah disalahfahamkan dan dicerca. Ada beberapa orang Islam yang telah mengeksploit dan menyalahgunakan konsep ini untuk objektif politik mereka sendiri. Ramai pula yang bukan Islam telah salahfaham akan makna Jihad. Ada juga segolongan mereka yang bukan Islam menyalahafsirkannya untuk memberikan gambaran yang tidak baik terhadap Islam dan penganutnya.*

### ***Apakah itu Jihad?***

*Perkataan Jihad itu tidak bermakna "Holy War" ataupun "Peperangan Suci". Ia bermakna "perjuangan" dan "usaha". Perkataan perang sepertimana yang tercatat di dalam Al-Qur'an adalah "Harb" ataupun "Qital".*

*Jihad bermakna perjuangan dan usaha yang serius dan sejati ke atas diri sendiri dan juga masyarakat. Ia adalah satu perjuangan untuk menyingkirkan ketidakadilan, penindasan dan kejahatan daripada masyarakat Islam. Perjuangan ini harus merangkumi aspek-aspek kerohanian, ekonomi dan politik. Jihad bererti berusaha gigih dengan membuat pekerjaan yang betul. Di dalam Al-Qur'an, Jihad telah disebutkan sebanyak 33 kali. Ia sering dikaitkan bersama konsep-konsep yang lain, seperti yang sering terdapat di dalam Al-Qur'an, contoh seperti keimanan, penyesalan, perbuatan-perbuatan baik serta penghijraan.*

*Jihad adalah untuk melindungi iman seseorang dan hak asasi manusia. Jihad bukan saja bermakna peperangan walaupun ia boleh berbentuk sedemikian. Islam adalah agama yang berlandaskan keamanan, namun ia tidak bermakna bahawa Islam menerima penindasan. Islam mengajar seseorang untuk mengikis kegentingan dan pertarungan. Islam meningkatkan perubahan dan reformasi yang tidak mengarah kepada kekejaman. Sebenarnya, Islam menggesa seseorang itu untuk menghapuskan kejahatan dengan tidak menggunakan kekerasan. Dalam sejarah Islam, daripada masa Nabi Muhammad saw hinggalah ke hari ini, ramai umat Islam yang menentang penindasan dan berusaha untuk pelepasan dengan tidak menggunakan sebarang kekejaman dan selalu berikhtiar untuk mencapai keamanan.*

*Ini dibuktikan dengan suruhan Rasulullah saw iaitu :*

---

<sup>30</sup> Surah Al-Hajj:78

•  
*Sebesar-besar Jihad ialah berkata benar (haq) terhadap ketua yang zalim.*

***Peraturan asas peperangan di dalam Islam adalah:***

- 1. Berani, supaya musuh anda akan berasa takut dan tidak akan menyerang anda.*
- 2. Jangan memulakan sesuatu dengan permusuhan. Berikhtiar untuk kedamaian seberapa banyak yang mungkin.*
- 3. Berlawan hanya kepada mereka yang memerangi kamu, hukuman kolektif tidak harus dikenakan dan mereka yang tidak bertempur tidak harus dikorbankan. Senjata kebinasaan jisim tidak harus digunakan.*
- 4. Menghentikan setiap permusuhan, sebaik sahaja pihak yang lain ingin menuju kepada keamanan.*
- 5. Mentaati perjanjian dan muafakat selagi musuh itu mentaatinya.*

*Allah telah berfirman:*

*"..perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh."<sup>31</sup>*

---

<sup>31</sup> Surah Al-Baqarah:190

•

*“..bulan yang dihormati itu ialah dengan (sebab membalas pencabulan dalam) bulan yang dihormati dan tiap-tiap perkara yang dihormati itu (jika dicabuli), ada balasannya yang seimbang. Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu dan bertakwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah: Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa.”<sup>32</sup>*

### ***Jihad bukan Terrorisma:***

*Harus ditekankan bahawa Jihad terhadap mereka yang tidak bersalah walaupun dengan kekejaman ataupun cara dengan membunuh diri, tidak pernah dibenarkan dalam Islam. Islam menggalakkan mereka yang tertindas untuk berjuang demi kebebasan mereka dan mengarahkan agar umat Islam yang lain menolong mereka yang menderita. Namun, Islam tidak pernah membenarkan walau apa sahaja pun untuk melakukan kekejaman terhadap mereka yang tidak terlibat dan mereka yang tidak bersalah. Terrorisma bukanlah Jihad tetapi Fasad. Ini bertentangan dengan ajaran Islam. Wujud beberapa orang yang sengaja memutarbelitkan pembahasan mereka hanya untuk mengesahkan terrorisma mereka. Allah telah berfirman:*

*“Dan apabila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu*

---

<sup>32</sup> Surah Al-Baqarah:194

*membuat bencana dan kerusakan di muka bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan.”<sup>33</sup>*

---

<sup>33</sup> Surah Al-Baqarah:11